

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 23 RABU 10 JUN 1970 1390 رابو 5 ربيع الاخير PERCHUMA

Perbarisan hari keputeraan Baginda Queeri

BANDAR BRUNEI. — Satu perbarisan untuk menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II akan di-akan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu 13 Jun ini.

Perbarisan yang akan di-dahului oleh pasukan 2/2nd King Edward's Own Gurkha Rifles itu ada-lah mengandungi pasukan2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pulis Di-Raja Brunei.

Tujuh buah pertubohan awam yang terdiri dari Jabatan Laut, Kastam, Bomba, Palang Merah, pengakap, pandu puteri dan Boy's Brigade juga akan turut serta.

Perbarisan itu akan di-iringi oleh pasukan pencharagam champoran yang terdiri dari Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair akan memerereksa perbarisan dan menerima tabek kehormatan dalam upacara itu.

Satu usol lulus dalam M.M.D. Belait

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah meluluskan satu usol yang menyeru kerajaan supaya menempatkan sa-orang penolong pegawai pendaftar beranak dan mati di-Jabatan Kesihatan di-Kuala Belait.

Usol itu telah di-bentangkan oleh Awang Mohamed Yassin bin Haji Mohamed Yusof ahli bagi Panaga di-sidang bulanan-nya yang berlangsung pada hari Sabtu lepas.

Majlis2 Mashuarat Daerah Brunei Muara dan Tutong juga telah mengadakan sidang bulanan-nya pada hari itu tetapi tidak ada usol yang di-kemukakan dalam majlis itu.



Duli Pg. Perdana Wazir merasmikan Hari Pelajar

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah telah menyeru penuntut2 supaya belajar dengan rajin demi kepentingan negara.

Yang Teramat Mulia itu juga menasihatkan guru2 supaya menjalankan tugas2 mereka dengan jujur dan mengajarkan ilmu yang ada pada mereka kepada murid2 bagi faedah raayat dan negeri.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir membuat seruan itu ketika merasmikan pembukaan Hari Pelajar yang telah berlangsung di-padang SMJA Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Yang Teramat Mulia itu juga telah menegaskan betapa penting-nya peranan ibu2 bapa dalam menjayakan pelajaran anak2 mereka.

Terdahulu dari itu, Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jassa Awang Malcolm McInnes telah menerangkan sebab2 bagi di-adakan Hari Pelajar itu.

Kata-nya, Hari Pelajar itu ada-lah memberikan peluang kepada ibu2 bapa dan penjaga kanak2 itu melawat dan melihat sendiri kerja2 yang di-buat oleh anak2 mereka di-sekolah.

Dato McInnes mengingatkan semula bahawa dalam tahun lepas lebih dari 23,000 orang ibu bapa dan penjaga kanak2 telah melawat ka-sekolah2 semasa hari pelajar dan beliau berharap bilangan itu akan bertambah lagi tahun ini.

Upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar itu telah di-serikan dengan persembahan tarian2 kebudayaan yang di-persembahkan oleh murid2 yang terpilih dari sekolah2 Melayu.

Mereka juga telah mempersembahkan lakunan2 pendek yang berhubung dengan kerja2 sekolah mereka.

Turut hadir dalam upacara pembukaan rasmi itu termasuk-lah (Lihat Muka 8)

Penulis2 di-seru timbulkan karya2 yang melambangkan Brunei yang sa-benar-nya

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 tempatan telah di-nasihatkan supaya dapat menchiptakan hasil karya yang benar2 dapat melambangkan imej Negeri Brunei yang sa-benar-nya.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam majlis pembukaan rasmi mashuarat agong pertama persatuan PERWIRA yang berlangsung di-Dewan Puspas, Kg. Sungai Pandan pada hari Juma'at yang lalu.

Beliau menekankan bahawa sa-jauh ini kita telah sama2 mendengar dan membaca dalam surat2 khabar dan radio yang menerbitkan karya2 yang tidak selaras dengan keadaan Negeri Brunei ini.

"Perkara ini dengan tidak sa-chara langsung telah memberi gambaran yang salah bukannya sahaja kepada masyarakat Brunei bahkan juga kepada


masyarakat lain yang ingin mengetahui hal-ehwal Brunei", tegas beliau.

Beliau berseru kepada penulis2 tempatan, khas-nya yang terdiri dari beliau2 supaya menchipta karya2 mereka baik yang berupa cerpen, sandiwara2 radio, cherita mata2 gelap dan sa-umpama-nya selaras dengan kejadian dan keadaan yang sa-benar-nya terdapat di-Brunei.

Selanjut-nya beliau menengaskan: "Sungguhpun timbak menimbak, kongsi2 gelap dan penyeludupan di-gemari oleh pendengar2, tetapi semua perkara ini sama sekali tidak di-jumpai di-negara kita yang aman damai ini".

Menyebut mengenai pementasan2 yang selalu di-anjorkan oleh persatuan2 beliau, Pengiran Dato Paduka Momin mengharapkan supaya persembahan2 itu benar2 dapat membena masyarakat.

Beliau2, kata-nya, haruslah menitik beratkan kepada persembahan2 yang membena masyarakat dan bukan-nya mengingatkan kedurjanaan yang sudah hilang atau yang maseh hidup.



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Taha sedang menzahirkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sa-telah Istiadat mengurniakan gelaran itu di-langsungkan.

ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN PEHIN

BANDAR BRUNEL. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Utama Awang Haji Mohd. Taha bin Yang Di-Muliakan Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussein dalam satu istiadat yang berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-langsungkan di-hadapan pembesar2 negara termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Chiri gelaran dalam istiadat itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohammad Yusuf bin Abdul Latif.

Sementara itu, Istiadat Mengaga'i bagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd. Taha telah di-adakan di-Lapau pada hari Isnin lepas.

Istiadat itu ada-lah sa-bagai persediaan bagi istiadat mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laksamana kepada beliau pada hari Khamis esok.

Dua lagi istiadat mengurniakan gelaran akan di-adakan pada 16 dan 23 Jun ini.

Perayaan sambutan hari keputeraan

D.Y.M.M. di-Tutong

TUTONG. Penduduk2 di-Daerah Tutong akan merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 sa-chara besar2an tahun ini.

Sa-buah Jawatankuasa perayaan telah di-bentuk dengan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Setia Usaha Penerangan Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar berkata, perayaan itu juga akan mengandungi persembahan2 dari persatuan2 belia, kaum2 dan sekolah di-daerah itu.

Awang Junaidi berkata, pertandingan berchuchul, kereta2 dan perahu2 berhias, pameran masakan dan pertukangan tangan, lumba perahu, sukan dan bola sepak juga akan di-adakan dalam perayaan itu.

26 orang penuntut lanjutkan pelajaran di-United Kingdom

BANDAR BRUNEL. — Sa-ramai 26 orang penuntut dari Maktab SOAS Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell Setia telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-beberapa buah university di-sana.

Sa-ramai 14 orang dari penuntut2 itu, lima dari Maktab Anthony Abell Setia dan sembilan dari Maktab SOAS telah berlepas pada hari Rabu 3 Jun.

Dua belas orang lagi telah berlepas pada hari Khamis 4 Jun, sa-orang dari Maktab Anthony Abell Setia, sembilan dari Maktab SOAS dan dua orang dari Sekolah Menengah Inggeris Kakj Bukit Singapura.

Sa-belum memasuki university penuntut2 itu akan mengambil kursus bahasa Inggeris di-West Cliff-On-Sea School selama tiga bulan dan kursus "A" level sa-lama dua tahun.

Sementara itu enam orang penuntut, lima dari Maktab SOAS dan sa-orang dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara juga telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Juma'at 5 Jun untuk mengikuti kursus pertanian di-Maktab Pertanian Serdang.

Sa-orang dari mereka itu akan mengambil ijazah Diploma Pertanian sa-lama tiga ta-

hun dan yang lain-nya akan mengikuti kursus permulaan sa-lama sa-tahun sa-belum mengambil ijazah Diploma Pertanian sa-lama tiga tahun lagi.

Bekalan ayer untuk Kg. Labi

BANDAR BRUNEL. — Kerajaan sedang mempelawa tawaran bagi kerja2 untuk memperbaiki ranchangan bekalan ayer Labi.

Apabila kerja itu siap penduduk2 di-Labi akan di-bekalkan dengan ayer yang di-tapis dan di-champur ubat buat pertama kali-nya.

Sharikat Binnie dan Rakan2, pereka bentuk ranchangan itu juga akan mengawasi pembeanaan projek itu.

Sa-orang juruchakap bagi sharikat itu berkata, kerja itu termasuk pembeanaan kilang penyampor ubat, paip saloran ayer sepanjang 700 ela dan pembeanaan tanki ayer.

Ayer akan di-pam dari dua lobang yang ada sekarang ka-kilang penyampor ubat itu. Sa-lepas di-champur dengan ubat ayer itu akan di-pam masuk ka-paip besar yang ada sekarang membawa ka-tanki ayer itu.

dan Awang Yahya bin Haji Haris, sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Kemajuan.

Sa-tiba-nya di-sana, Dato Glass telah di-sambut oleh Pegawai Pertanian di-Pekan Bangar Awang C. R. Brears.

Dato Glass juga telah mengadakan perbincangan dengan Pemangku Pegawai Daerah Awang Mohamed Salleh bin Hidup men-



Gambar atas menunjukkan ahli2 persatuan peladang Kampong Menengah, Daerah Temburong bergambar dengan pegawai dan kaki-tangan Jabatan Pertanian di-pusat semeian buah2an apabila mereka melawat pusat pertanian Kilanas pada minggu lepas.

Lawatan itu ada-lah sa-bagai menamatkan kursus pertanian anjoran Jabatan Pertanian sa-lama sa-minggu yang di-adakan di-kampung mereka.

Meninjau perkembangan Daerah Temburong

TEMBURONG. — Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Dato W. I. Glass telah melawat Daerah Temburong pada minggu lepas kerana menyaksikan kemajuan projek2 perkembangan di-daerah itu.

Dato Glass di-iringi oleh sa-orang pegawai pentadbir dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Awang Jaya bin Abdul Latif

genai berbagai projek kemajuan yang telah siap dan yang masih di-laksanakan oleh kerajaan.

Dato Glass kemudian-nya telah di-beri penerangan dengan ringkas mengenai kemajuan2 projek2 di-daerah itu oleh Awang Salleh.

Semasa lawatan, rombongan itu dengan di-sertai oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong telah melawat bahagian2 projek Jalan Temburong kerana memerhatikan kemajuan2 ranchangan itu.

BARANG di-ketahui, bahawa nikah kahwin ada-lah satu perkara yang di-galakkan oleh ugama Islam, sa-hingga di-dalam satu hadith pernah di-sabdakan oleh Rasulullah yang bermaksud:

"Sa-siapa yang tidak suka akan nikah dengan tidak ada apa2 sebab, bukan-lah daripada gulungan Rasulullah".

Dan di-samping itu telah diterangkan di-dalam hadith2 lain bahawa ada kelebihan2 istimewa kepada orang2 yang berkahwin daripada orang bujang, di-antara-nya hadith itu bermaksud.

"Manakala sa-seorang muda berkahwin, menjerit-lah shaitan dengan berkata: rugi-nya aku orang muda ini telah terlepas daripada godaanku".

Dan dalam hadith yang lain pula bermaksud:

"Dua rakaat sembahyang dari orang yang beristeri lebih baik daripada tujuh puluh rakaat dari sembahyang orang bujang".

Dari maksud hadith di-atas dapat-lah kita fahamkan bahawa soal kahwin atau nikah ini ada-lah satu perkara yang banyak terdapat kelebihan dan menjaga iman sa-seorang itu daripada di-goda oleh shaitan yang sentiasa mengambil peluang dan mendorong hawa nafsu kepada jalan yang melanggar perintah Allah dan Rasul-nya, maka dari dalil2 dan keterangan yang terdapat di-dalam perkara ini ahli fiqh berpendapat bahawa maksud perkahwinan ini ia-lah:

1. Supaya tidak lagi melihat kepada perempuan2 lain yang halal nikah.
2. Supaya mendapat keturunan dan dengan keturunan itu meramaikan umat Islam, agar umat Islam kuat.
3. Untuk mendapatkan amal salih dan pahala daripada anak2 yang salih yang akan mendoakan kedua ibu-bapa-nya.

Daripada maksud dan tujuan nikah ini-lah di-kehendaki tiap2 umat Islam berkahwin supaya mendapat kebajikan dan menurut perintah Allah dan yang di-maksudkan oleh Rasulullah — bukan kerana hawa nafsu dan bersukaria sahaja.

Oleh itu tiap2 orang sama ada laki2 atau perempuan yang berkehendakkan mendirikan rumah tangga hendak-lah mengetahui maksud2 ini dan mempelajari ilmu rumah tangga di-samping memilih bakal suami atau bakal isteri itu mengikut pilehan yang di-buat oleh ugama Islam, di-segimana yang di-dahulukan. Dengan lain perkataan siapakah bakal suami atau bakal isteri yang di-suruh oleh ugama sa-seorang

PERPECHAHAN DALAM RUMAH TANGGA

KHUTBAH JUMA'AT

● SALAH SATU SEBAB BERLAKU PERSELISEHAN ANTARA SUAMI ISTERI IA-LAH KEKURANGAN PENGETAHUAN DALAM HUKUM NIKAH KAHWIN DAN TERPENGAROH OLEH KEADAAN KELILING YANG TIDAK SELARI DENGAN KEMAMPUAN MEREKA.

itu memilih demi kebaikan mereka sendiri di-dalam menepoh gerbang rumah tangga yang bahagia selamat di-dunia akhirat.

Jika kita sebut rumah tangga, semua orang faham dan mengetahui, tetapi untuk menjadikan rumah tangga itu bahagia ada-lah sangat susah dan sulit jika di-antara suami isteri tidak ada ilmu pengetahuan di-

dalam bergaul rumah tangga, apabila jika sa-seorang suami itu tidak tahu tanggung-jawabnya terhadap isteri dan keluarga selain daripada mementingkan diri sendiri. Atau kadang2 isteri tidak tahu kewajipan sa-bagai sa-orang isteri dan di-sangka-nya suami itu sa-bagai orang surohan atau tempat mengadu dan meminta menyampaikan hajat dan jika

hajat tidak sampai lantas mengadakan kepada pihak2 yang berkenaan dan kadang2 terjadi-lah pergaduhan atau sampama-nya.

Perkara seperti ini nampaknya selalu terdapat di-masa yang akhir2 ini dan sa-telah diasiasat kebanyakan orang2 itu tidak tahu hukum nikah kahwin yang mesti di-ketahui oleh suami isteri dan tidak menjalankan apa yang di-wajibkan ka-atas mereka terhadap Allah dan masyarakat-nya. Sa-baleknya mereka di-pengarohi oleh keadaan sa-keliling dan tidak menyesuaikan dengan keadaan mereka, sama ada di-segi pendapatan, kedudukan dan lain2 lagi.

Oleh itu supaya menteheramkan keadaan seperti itu dan berkehendakkan perkahwinan itu akan kekal dan bahagia, maka tiap2 orang hendak-lah sentiasa ta'at kepada Allah dan Rasul-nya dan menjalankan kewajipan terhadap keluarga dengan baik mengikut garis2 yang di-tunjuk oleh ugama.

401 ORANG AKAN NAIK HAJI TAHUN DEPAN

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menerima 401 orang Islam dari seluruh negeri yang akan menunaikan fardhu haji pada tahun depan apabila pendaftaran di-tutup

Sambutan Maulud Nabi

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 Kampung Kota Batu, dekat Bandar Brunei minggu lepas telah mengadakan sambutan Maulud Nabi, bertempat di-tanah lapang dekat rumah ketua kampung tersebut.

Acharya yang di-persembahkan di-majlis itu ia-lah sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Besar Mohammed s.a.w., ba-bahan ayat2 suci Al-Quran ba-bahan sajak dan lain2-nya yang berchorak ugama.

Di-sebelah malam-nya telah diadakan tayangan wayang gambar oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

99 masok pereksa

BANDAR BRUNEI. — Seramai 99 orang chalon persendirian, pada hari Ithnin lalu mula mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, 45 orang chalon dari Daerah Brunei dan Muara, dan 54 lain-nya dari Daerah Belait.

Peperiksaan yang akan berjalan hingga 19 Jun itu di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

pada 23 Mei lepas.

Sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji berkata, dari jumlah itu, sa-ramai 202 orang telah memohon untuk pergi dengan kapal laut sementara 199 orang yang lain-nya akan pergi dengan menaiki kapal terbang.

Di-Daerah Brunei-Muara sa-ramai 346 orang telah di-daftarkan, 32 dari Daerah Belait, 11 dari Daerah Tutong dan 12 dari Daerah Temburong.

Pada tahun lepas sa-ramai 391 orang Islam dari negeri ini telah menunaikan fardhu haji.

Ranchangan bagi perbaiki masjid2 Daerah Tutong

TUTONG. — Satu Mashuarat akan di-adakan tidak lama lagi untuk merumuskan ranchangan2 bagi memperbaiki lagi kemajuan masjid2 di-Daerah Tutong.

Ini telah di-persetujui di-perhimpunan baru2 ini yang di-hadhir oleh imam2 masjid2 dan anggota2 jawatankuasa khas yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Daerah itu.

Setia Usaha Jawatkuasa itu, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar berkata, mashuarat itu di-ranchangkan berlansang di-dewan Sekolah Persediaan Inggeris di-Bandar Tutong.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Jun 1970 hingga ka-hari Selasa 16 Jun 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
10 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
11 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
12 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
13 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
14 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
15 Jun		12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
16 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



10hb. Jun 1970.

GAMBARAN NEGARA OLEH PENULIS

UCHAPAN Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dimashuariat agong PERWIRA baru2 ini yang menekankan penulis2 tempatan sa-jauh ini dapat di-anggap sa-bagai gagal dalam melahirkan karya2 mereka yang dapat mencerminkan keadaan Brunei yang sa-benar-nya ada-lah satu perkara yang patut di-ambil perhatian yang serious oleh penulis2 tanah ayer.

Penekanan beliau ini ada lah berdasarkan kepada karya2 yang di-terbitkan dalam akhbar dan radio baik yang merupakan karya yang berbentuk cerpen, mahupun cerita2 lakonan sampama sandiwar radio dan cerita mata2 gelap.

Belum lama dahulu, dalam renchana dari meja pengelola Suara Brunei sa-buah majalah yang menyiarkan susunan ranchangan radio sa-tiap hari telah merungut tentang kemerosotan nilai2 penulisan khas-nya karya2 yang sa-kurang2-nya dapat membayangkan keadaan Brunei dan isi kandungan di-dalam-nya termasuk kebudayaan raayat-nya.

Dalam hal ini, kita harus memotivasi inisiatif pelak radio yang dengan susah payah telah menganjurkan symbera cerpen yang berthemakan ke-Bruneian atau lebih tegas lagi yang dapat mencerminkan apakah Negeri Brunei itu dan bagaimana-ka keadaan penduduk-nya dan bagaimana-ka nilai kebudayaan serta jurusan2 ke-Bruneian yang lain.

Terdahulu dari itu, pehak radio juga pernah menganjurkan peraduan mengarang sandiwar radio atas tajok yang di-tentukan "AKU RAAAYAT BRUNEI". Dari tajok ini saja kita sudah dapat mentafsirkan apakah isi sandiwar itu yang di-perlukan.

Kedua2 peraduan itu dapat kita sifatkan sukses, kerana telah dapat menchingkil hati penulis tempatan untuk menyedarkan mereka bahawa betapa penting-nya tugas mereka dalam membayangkan keadaan negara, semangat raayat dan kechintaan mereka terhadap kebudayaan dan tanah ayer mereka.

Sa-lepas peraduan2 itu di-jalankan, kita tidak dapat nafikan timbul-nya penulis2 atau aktif-nya penulis2 yang telah mengutarakan karya2 mereka yang sa-bahagian-nya pula dapat di-anggap benar2 memboktikan tujuan itu.

Tetapi, sejak akhir2 ini apakah penulis2 tempatan maseh tegap dengan karya2 mereka yang melambangkan suasana Brunei?

Barangkali di-sebabkan kurangnya karya2 yang di-harap2-kan itu-lah maka timbul-nya dakwaan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu. Tetapi untuk ukuran2 yang adil apakah karya2 penulis2 tempatan sejak akhir2 ini dapat membentangkan keadaan negara, maka ada lebih baik-nya di-buat penelitian2 yang rapi. Tetapi untuk cherita mata2 gelap kita turut meng-anggap-nya sa-bagai yang benar2 tidak selaras apa yang sa-betul-nya terjadi.

MUNGKIN agak mengherankan bahawa Perlembagaan Brunei tidak menyebut dua perkara yang mustahak mengenai masaalah bahasa ia-itu;

- (1) *Tidak ada di-tentukan suatu tarikh tertentu untuk pengrasman bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi tunggal negara; dan*
- (2) *Tidak ada di-sebut mengenai bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan negara.*

Hal ini bukan-lah kerana kealpaan atau kelalaian akan tetapi ada-lah hasil dari perundingan2 yang luas. Terlebih dahulu mari-lah kita perhatikan fasal kedua. Sa-sunggohnya ada-lah tidak ada gunanya di-sebutkan dalam Perlembagaan atau dalam undang2 lain-nya bahawa bahasa Melayu itu ada-lah atau akan menjadi bahasa kebangsaan negara. Masaalah "Bahasa Melayu itu akan di-jadikan Bahasa Kebangsaan Negara" tidak timbul di-Brunei, oleh sebab bahasa Melayu itu menurut tradisi dan sa-chara tidak rasmi di-terima oleh semua golongan masyarakat sa-bagai bahasa kebangsaan negara. Tambahan lagi, tidak ada terdapat masaalah2 perkauman atau pun lain2 tekanan sosial atau politik yang mengganggu "fait accompli" ini.

TARIKH TERTENTU

Sekarang mari-lah kita perhatikan fasal pertama. Sa-saorang mungkin akan chenderong berfikir bahawa ketiadaan tarikh tertentu itu hanya akan merugikan bagi kita. Oleh sebab sa-chara teoretis masaalah ini mungkin akan menjadi suatu masaalah yang tetap tanpa penyelesaian. Ditinjau dari satu sudut, ini mungkin benar. Akan tetapi sa-balek-nya, dengan tidak ada-nya di-sebut tarikh tertentu itu, akan memungkinkan bangsa kita mempercepat pengrasman bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi tunggal. Sekarang hal ini ada-lah terserah kepada raayat sendiri untuk memutuskan apa-ka mereka mengingini bahasa Melayu itu sa-bagai bahasa rasmi tunggal dalam tempoh satu tahun, dua tahun atau pun sekian tahun sa-sudah perlembagaan di-sahkan. Ini sa-mata2 ada-lah bergantung pada inisiatif dan usaha kita sendiri. Batas2 waktu tidak ada. Di-saat bahasa Melayu itu di-sanggupkan menjadi bahasa pengantar atau alat perhubungan dalam segala lapangan, maka sudah jelas bahawa mulai dari saat itu pula raayat dengan sa-chara bulat mengendaki perubahan dalam Perlembagaan untuk menjadikan ba-

MODENISASI BAHASA MELAYU

OLEH:

MAHMUD HAJI BAKYR,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI

hasa Melayu itu sa-bagai bahasa rasmi tunggal. Jadi oleh yang demikian, masaalah ini terutama ada-lah bergantung pada perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Dengan lain perkataan masaalah ini sa-bahagian besar akan di-pengarohi oleh kechepatan perkembangan bahasa Melayu itu, ia-itu proses modenisasi.

ERTI MODENISASI

Bagaimana-ka kita dapat memodenisasikan bahasa Melayu itu? Untuk mendapatkan jawapan yang tepat, mari-lah kita terangkan lebih dahulu apa erti-nya "modenisasi" dalam hal ini. Kita menyebut suatu bahasa moden jikalau bahasa itu dapat di-gunakan sa-bagai alat atau bahasa pengantar dan perhubungan dalam segala lapangan sa-chara sempurna dengan mengikut perkembangan2 dalam segala lapangan. Bukan-lah rahasia bahawa bahasa Melayu kita sekarang ini ada-lah maseh jauh dari sempurna. Bahasa ini bukan hanya kekurangan perbendaharaan kata2 akan tetapi juga belum ada terdapat suatu bahasa Melayu standad. Justeru kerana ketiadaan bentok standad bahasa Melayu itu-lah menyebabkan-nya lebih mudah bagi kita untuk menjalankan modenisasi bahasa itu, sebab berbedza dari bahasa2 yang sudah memiliki bentok2 serta norma2 yang sudah tertentu, kita maseh menuju dan maseh mudah dapat menerima perkembangan atau perubahan2 dalam bahasa. Ini ada-lah terlebih2 demikian hal-nya, oleh sebab bahasa Melayu itu mempunyai sifat yang penting ia-itu bahasa ini dapat menerima unsur2 dari luar. Bahasa ini telah meng-ambil-aleh beribu2 kata dari pelbagai bahasa seperti Sanskrit, Arab, China, Jepun, Belanda, Portugis dan sa-bagai-nya. Dan kita ada-lah chenderong berpendapat bahawa perkembangan yang chepat dan kesanggupan bahasa Melayu itu untuk mengambil-aleh perkataan2 baru sa-bahagian besar ada-lah di-sebabkan belum ada-nya suatu bentok standad bahasa Melayu itu. Akan

tetapi ini tidak bererti bahawa kita harus membiarkan bahasa Melayu itu sentiasa "terapong2". Bagaimana pun, sa-chepat mungkin kita harus menentukan suatu bahasa Melayu standad jikalau kita bermaksud menjadikan bahasa itu sempurna dan moden.

Dalam proses modenisasi bahasa Melayu itu, kita menghadapi dua masaalah yang harus kita berikan perhatian terlebih dahulu. Yang pertama ada-lah mengstandarkan peribahasa dan peratoran tata-bahasa Melayu serta perbendaharaan kata2-nya, dan yang kedua ada-lah membentok dan mengstandarkan istilah2 teknikal baru sa-hingga dapat memajukan perbendaharaan kata2 bahasa itu sesuai dengan keperluan kita.

MELAYU STANDAD

Mengenai maksud untuk membentok bahasa Melayu standad, perlu di-ingat bahawa daerah2 yang menggunakan bahasa Melayu itu ada-lah meliputi Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei dan beberapa daerah lain-nya. Sifat dan kechepatan perkembangan bahasa Melayu itu berlainan dari satu daerah ka-daerah yang lain. Ini bergantung-lah kepada keadaan2 sosial-politik dari daerah2 yang berkenaan.

Brunei mempunyai sejarah yang berlainan dan keadaan sosial-politik dalam masa yang lampau tidak mengidzinkan kita menchapai perkembangan bahasa Melayu yang besar. Modenisasi bahasa sa-chara terator dan berenchana tidak ada di-Brunei sa-hingga Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan dan di-tugaskan untuk memajukan bahasa itu dengan bebas, dengan jalan membentok istilah2 baru dan dengan jalan mengeluarkan buku2 dan majalah2 dalam bahasa Melayu serta mengadakan perhubungan antarabangsa dengan lain2 jawatan atau lembaga yang mempunyai tujuan2 yang sama.

Dengan demikian kita melihat bahawa bahasa2 yang di-gunakan di-berbagai daerah

(Lihat Muka 5)



Tiga orang murid ini sedang beraksi dalam sa-buah lakunan yang di-persembahkan sa-baagi salah satu achara dalam pembukaan rasmi Hari Pelajar yang telah di-langsungkan di-padang SMJA Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas. Sementara gambar bawah menunjokkan sa-bahagian murid2 sekolah yang terpilih dari seluruh negeri sedang mempersembahkan tarian Adai-Adai dalam upacara tersebut.



Modernisasi Bahasa Melayu

(Dari Muka 4)

Melayu dan yang berasal dari satu bahasa telah berkembang masing2 sa-laras dengan keadaan sosial-politik yang berlaku di-daerah2 yang persangkutan. Dengan lain perkataan, perbedzaan di-antara bahasa2 di-negara2 Melayu itu lebeh kurang ada-lah perbedzaan buatan. Sa-tiap negara berkembang sesuai dengan keadaan di-negara itu, berdasarkan latar-belakang sejarah masing2. Dan oleh kerana perbedzaan dalam perkembangan bahasa2 itu bersifat buatan, maka sudah sa-patutnya kita menchari ubat "menyembuhkan luka" itu dengan chara buatan pula untuk menchapai standadisasi yang kita maksudkan itu.

Oleh yang demikian jangan-

lah hendak-nya negara2 yang bersangkutan menunggu sampai perbedzaan2 itu hilang dengan sendiri-nya. Negara2 ini harus bertindak dan harus menjadikan-nya sa-bagai tujuan ia-itu untuk menghilangkan perbedzaan2 itu dan agar merancang suatu sistem yang dapat di-jalankan untuk menchipta suatu bahasa Melayu standad. Perkara ini lebeh kentara lagi mustahak-nya dalam pembentokan istilah2 saintifik dan teknikal kerana perbedzaan yang mengelirukan dalam sudut ini akan menimbulkan risiko yang kurang sehat dalam keseluruhan perkembangan bahasa Melayu.

(Kandungan renchana ini adalah di-padankan dari tulisan Awang Muarunuddin yang bertajuk BRUNEI DAN MODERNISASI BAHASA MELAYU, terbit dalam majalah Bahana Bil. 8.)

Lebeh 200 akan bertanding dlm peraduan kesihatan kanak2

BANDAR BRUNEI. — Pertubohan Perkumpulan Wanita Bandar Brunei telah menerima lebeh dari 200 permohonan masuk pertandingan Kesihatan Kanak2 yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada hari Juma'at 12 Jun mulai pukul 8.00 pagi.

Peraduan kanak2 itu, yang ke-empat di-anjorkan oleh pertubohan itu, akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bagi kanak2 yang berumur dari empat bulan hingga dua belas bulan dan bagi kanak2 yang berumur di-antara 13 dan 22 bulan.

Pemenang2 dalam pertandingan bahagian akan di-hadiahkan dengan hadiah2 yang berupa makanan kanak2 dan barang2 permainan yang di-dermakan oleh sharikat2 perniagaan di-Bandar Brunei. Semua peserta juga akan di-hadiahkan dengan hadiah2 sagu hati.

Hadiah2 itu akan di-sampaikan kepada pemenang2 dan semua peserta oleh Isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Puan A. R. Adair.

Pesuruhjaya Kebajikan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri akan beruchap di-upachara penyampaian hadiah itu.

Sa-orang juruchapak bagi pertubohan itu berkata peraduan Kesihatan Kanak2 itu ada-lah salah satu dari projek2 tahunan pertubohan itu.

Juruchapak itu berkata, peraduan itu bertujuan untuk menggalakkan ibu2 supaya memberikan jagaan dan perhatian yang sempurna yang perlu bagi kesihatan kanak2 itu.

MEMBETULKAN KESILAPAN

Sedikit kesilapan telah berlaku dalam renchana Selayang Pandang Mengenai Adat Istiadat Brunei dalam bahagian Erti Sembah para yang ketiga.

"..... sebarang pendengeran atau panchiuman yang di-ketahui oleh mereka sama ada haram....." dan bukan-nya "..... sebarang pendengeran atau panchiuman yang di-ketahui oleh mereka sama ada haram....." sa-bagaimana yang tersiar di-muka 6 keluaran minggu lepas.

Perlawanan akhir bola sepak sekolah2 sa-negeri

TUTONG. — Perlawanan akhir bola sepak antara sekolah2 di-seluruh negeri dalam kumpulan 'A' dan 'B' telah berlangsung di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong petang Ahad lepas.

Perlawanan dalam kumpulan 'A' bagi murid2 yang berumur 13 tahun ka-bawah kerana merebut perisai kejohanan hadiah dari W. J. Peel bekas British Resident Brunei telah di-menangi oleh Maktab Anthony Abell Seria sa-telah pasokan itu mengalahkan sekolah persediaan Inggeris Bandar Brunei satu gol tidak berbalas.

Sementara dalam kumpulan 'B' bagi murid2 yang berumur 15 tahun ka-bawah kerana merebut Piala Kejohanan hadiah dari E. W. Cousen bekas Pegawai Kewangan Negara Brunei telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Brunei sa-telah pasokan itu mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait dua gol kosong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Sa-banyak 102 pasokan dari sekolah2 di-seluruh negeri telah mengambil bahagian sejak perlawanan itu di-mulakan awal bulan lalu.



Pasokan Maktab Anthony Abell bergambar bersama2 dengan perisai kemenangan mereka.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

(a) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT I (2 Jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge atau sijil yang lebih tinggi, dan sijil Teknologi penuh dalam City and Guilds Course No. 49 atau kelulusan yang sama. Pemohon2 mesti-lah pernah berkhidmat selama sekurang-nya tujuh tahun dengan sa-buah pertubuhan penyiaran yang bernama dan mempunyai kebolehan mengawas kerja2 dan pemeliharaan alat2 studio dan lain2 alat yang berkaitan atau pun alat2 transmitter MF, HF dan VHF. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kedua2 valve dan solid state equipment. Mereka perlu mengetahui segala2-nya mengenai tape recorders. Pengalaman talivishen merupakan satu kelebihan.

Tugas2:

Mengawas pada perengkat "in charge" kerja2 dan pemeliharaan di-studio atau di-pusat2 transmitter. Membantu kakitangan kanan dalam kerja2 pemasangan untuk studio baru, memasang alat2 recording dan transmitter termasuk aerials. Membantu melatoh kakitangan rendah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB4 — B\$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan Sijil Teknologi Intermediate dalam City and Guilds Course No. 49 atau

kelulusan yang sama. Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang-nya lima tahun pengalaman dalam sa-buah pertubuhan penyiaran yang bernama dan biasa menjalankan kerja2 dan pemeliharaan alat2 studio dan lain2 alat yang berkaitan atau pun MF, HF dan VHF Broadcast Transmitters.

TUGAS2:

Mengawas pekerja2 shifts sama ada di-studio atau di-pusat2 transmitter. Memeriksa dan memelihara alat2 penyiaran.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — B\$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT III (8 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus L.C.E. atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Sains dan Ilmu Hisab. Mempunyai City and Guilds Certificate in Radio merupakan satu kelebihan.

Tugas2:

Membantu dalam kerja2 sa-tiap hari di-studio, transmitters dan

JURURAWAT TERLATEH

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Jururawat Terlateh dan Jururawat untuk berkhidmat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2:

Jururawat Terlateh: Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar dengan mempunyai kelayakan2 yang di-terima.

Jururawat Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar dengan kelayakan2 yang di-terima; DAN mesti-lah menjadi bidan2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-terima.

Gaji:

Jururawat Terlateh: Dalam sukatan gaji D3 \$380 x 20 — 480.

Jururawat: Dalam sukatan gaji D4 \$500 x 20 — 620.

Temuduga:

Temuduga2 bagi pemohon2 yang sesuai akan di-ator tidak lama selepas pemohonan2 di-terima.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perkhidmatan selama enam bulan. Bagi chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perkhidmatan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar kepada Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dengan menggunakan sampul surat yang di-tulis di-luar-nya "Pemohonan — Jururawat/Jururawat Terlateh."

Borang2 permohonan boleh di-dapati daripada Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan untuk di-penohkan atau di-penohkan sa-belum temuduga. Diploma2, dengan salinan-nya untuk di-simpan bagi pemohon2 yang di-terima, hendak-lah di-bawa semasa temuduga.

siaran2 luar dan rakaman2 dan membaiki alat2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(d) PEGAWAI KECIL TEKNIK JAWATAN RENDAH

(5 jawatan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Sekolah Melayu. Penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

Tugas2:

Membantu dalam kerja2 sa-tiap hari di-studio, transmitters dan siaran2 luar dan rakaman2 di-bawah jagaan kakitangan kanan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perkhidmatan selama enam bulan. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perkhidmatan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Jun, 1970.

Tradesman Tingkatan I Kumpulan I

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tradesman Tingkatan I Kumpulan I di-Jabatan Ukor, Brunei.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang-nya 2 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu dan boleh membaca lukisan2.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki membuat dan membaiki perabot2, membaiki perahu dan membuat bairup ukor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB4 — \$200 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Jun, 1970.

Merinyu Kesihatan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubuan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah mencapai umur 18 tahun dan bukan-nya 25 tahun, dan mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Mereka mesti-lah telah lulus pemeriksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Sain atau Sain 'Am. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berchakap Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perkhidmatan selama 3 tahun dan dalam waktu itu mereka hendak-lah mendapatkan Sijil The Royal Society of Health. Chalon2 akan di-hantar berlatih di-Singapura atau Malaya di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

Juruteknik Pelajaran Kesihatan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi jawatan Juru Teknik Pelajaran Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D4 — \$500 x 20 — 620.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Chalon2 mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mesti-lah lulus L.C.E. (aliran Inggeris) atau pun yang sebanding dengan-nya.

c) Mesti mahir berchakap dalam bahasa Melayu dan boleh berchakap dengan terang, terutama sekali di-hadapan kumpulan orang ramai atau pun di-pertemuan2 yang di-atorkan di-sekolah2.

d) Mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 30 tahun.

e) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perubatan dan Kesihatan dan Perkhidmatan Penerangan Awam, serta sedia untuk pergi ka-mana2 saja dalam negeri apabila di-kehendaki.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati dari pada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Jun, 1970.

Pegawai Penchen

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pegawai Penchen2 di-Pejabat Penchen Negara, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalon2 mesti-lah lulus L.C.E. Inggeris dan Darjah IV Melayu.

b) Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-nya selama lima tahun dan mempunyai kelulusan Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu akan juga di-pertimbangkan.

Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Jun, 1970.

Adukan sebarang masalaah lebeh dulu kpd Ketua Kampong

TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamed Salleh bin Hidup telah menyeru penduduk2 di-daerah itu, supaya mengemukakan sebarang masalaah yang terbit dari kampong mereka, kepada penghulu atau ketua kampong, sa-belum di-hadapkan kepada pehak kerajaan.

Beliau telah berkata demikian, di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Temburong di-Pekan Bangar hari Khamis lepas.

Awang Mohamed Salleh berkata, Penghulu dan ketua2

kampong ada-lah pegawai yang di-lantek oleh kerajaan, dan mereka boleh menyelesaikan semua masalaah di-kampong masing2.

Kata-nya, jika di-kampong itu tidak mempunyai penghulu atau ketua kampong, mereka boleh-lah membuat aduan2 kepada orang2 bergelar, seperti Menteri Darat.

Beliau berkata, jika masalaah2 itu tidak dapat di-selesaikan oleh pehak2 yang berkenaan di-kampong itu, maka perlu-lah ia-nya di-hadapkan kepada pehak kerajaan.

Tidak ada usul di-kemukakan dalam mashuarat itu.

Lumba jalan kaki SMMJM

BANDAR BRUNEI. — Kira2 lima ratus orang penuntut telah mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki jarak jauh Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan itu bermula dari padang SMJA di-Bandar Brunei ka-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara di-Berakas.

Perlumbaan itu di-bahagikan kepada dua bahagian — lelaki dan perempuan.

Keputusan2-nya ia-lah seperti berikut:—

BARANG2 MUZIUM BRUNEI8



Nama: Lanjang.

Penerangan: Lanjang umumnya di-gunakan untuk mentanak nasi yang akan dihidangkan dalam sesuatu upacara yang besar. Ia-nya tidak di-gunakan untuk urusan persendirian dan kerja2 sa-harian. Lanjang ini selalu menjadi 'wakaf' untuk kegunaan anak2 kampong dan sekitar yang mengkehendaki-nya. Alat2 untuk mentanak nasi ia-lah selain daripada lanjang, paspan dan periok yang dapat di-kumpulkan sa-bagai satu keluarga. Segi bentuk dan ukuran dapat membezakan antara ketiga2 alat ini. Lanjang berbentuk besar, telinga dan tangkai-nya seperti tali, bahu-nya rendah serta keadaan bawah-lah bulat.

Di-badan lanjang ini terukir huruf jawi yang bererti "Alamat ini lanjang wakaf Aliashim bin Burut kampong Sungai Kuyuk (sekarang berubah menjadi kampong Sungai Pandan), sunat 1366 hijrah (bersamaan 1947 masehi) Brunei". Biasa-nya lanjang mempunyai nama tuan punya untuk menjadi peringatan.

Penggunaan lanjang telah hilang sejak timbul-nya barang2 chiptaan baru yang lebih mudah, ringan dan murah dalam awal tahun timapuluh.

Lanjang ini di-beli tahun 1966 di-daerah Brunei.

Sukatan: Lebar badan — 17"


Tinggi 16".

Sa-ramai 60 orang ahli Persatuan Belia Sumbiling telah mengadakan lawatan ka-Miri selama tiga hari baru2 ini. Semasa lawatan ahli2 persatuan itu telah mengadakan perlawanan2 bola sepak dan sepak takraw.

Gambar bawah menunjukkan pasukan belia Sumbiling bergambar ramai dengan pasukan Belia Melayu Miri sa-belum memulakan perlawanan di-padang Machinda.



SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Rakyat di-seru jangan pileh kerja

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyeru seluruh lapisan rakyat yang berkehendakkan perkerjaan supaya menjauhkan diri dari keinginan memileh.

Negara kita masa ini, kata-nya ada-lah sedang dalam pembangunan dan untuk menjayakan maksud ini semua lapisan masyarakat hendaklah tahu akan tanggung-jawab masing2 dan bersedia pula memahami akan tindakan2 yang diambil oleh kerajaan.

Dalam soal pekerjaan ini, Pengiran Dato Paduka Momin menegaskan bahawa sa-jauh ini kerajaan telah melaksanakan tindakan2 yang amat berpatutan yang berdasarkan kepada usaha2 bagi mempertahankan kemajuan, keamanan dan kesentosaan negeri ini.

Sa-suatu keputusan yang diambil oleh kerajaan, tegas beliau, ada-lah di-lakukan sa-lepas mempertimbangan segi2 kebaikan dan keburukan-nya di-bidang keperlakuan2 umum.

Beliau menjelaskan bahawa kerajaan tidak-lah senantiasia memuaskan hati kepada tiap2 orang, tetapi setidaknya-nya memuaskan hati kepada sa-bilangan besar satu2 kumpulan.

Berucap sa-belum merasmikan pembukaan rasmi mashuarat agong pertama PERWIRA, Pengiran Dato Paduka Momin menyeru beliau2 supaya menyiapkan diri mereka untuk sama2 membangun negeri ini.

Di-samping itu beliau mengingatkan bahawa dalam dunia yang mempunyai seribu satu macham masalaah ini banyak pula manusia yang ingin menchari pengaruh untuk kepentingan mereka sendiri.

"Dalam hal ini beliau2 harus sentiasa waspada dan tidak mudah terpedaya dengan keadaan ayer yang tenang di-sangka tidak berbua-ya", kata beliau.

Beliau akhir-nya memuji akan sikap PERWIRA yang sa-jauh ini telah dapat menimbulkan projek2 yang berfaedah bukan hanya kepentingan beliau2-nya, tetapi juga untuk kebajikan perpaduan penduduk2 kampung.

Hari Pelajar

(Dari Muka 1)

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan jempunan2 khas.

Hari Pelajar akan di-sambut oleh kesemua 102 buah sekolah2 Melayu di-seluruh negeri pada tarikh2 yang berasingan.

Pada 11 Jun: S.M. Danau, S.M. Belabau, S.M. Penapar, S.M. Lubok Pulau, S.M. Puni dan S.M. Semabat

Pada 14 Jun: S.M. Gadong, S.M. Kiulap, S.M. Amar Pahlawan, S.M. Bengkurong, S.M. Jerudong, S.M. Anak2 AMDB, S.M. Mentiri, S.M. PKN., Bukit Beruang dan S.M. Bt. Sawat.

Pada 15 Jun: S.M. Kasat, S.M. Lumapas S.M. Batu Marang, S.M. Melilas dan S.M. Belingos.

Pada 16 Jun: S.M. Sukang dan S.M. Salangan.

Pada 17 Jun: S.M. Merangkang dan S.M. Amoi.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika hadir di-Istiadat Bersuroh pada hari Khamis lepas. Gambar bawah menunjukkan rombongan memenang yang diketuai oleh Y.A.M. Pengiran Paduka Tuan Sahibol Karib Pengiran Haji Abu Bakar (di-kanan sekali) ketika berangkat meninggalkan Lapau menuju kampong Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



11 pasokan bertanding dalam perlawanan badminton KEKAL

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 11 buah pasokan akan mengambil bahagian dalam pertandingan badminton anjoran Persatuan Kebajikan Kampong Lambak.

Pertandingan yang terbuka kepada persatuan2 beliau Daerah Brunei Muara dan Temburong itu akan di-adakan di-Pusat Beliau di-Bandar Brunei dan akan di-rasmikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri pada 13 Jun ini.

Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohamed Yusof telah menghadiahkan sa-buah perisai rebutan bagi pemenang pertama sementara Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah menghadiahkan piala rebutan bagi pemenang kedua.

Pasokan yang memenangi tempat ketiga akan menerima piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Di-Pertua Persatuan KEKAL, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman.

Pertandingan itu akan di-

adakan sa-chara kalah mati dengan tiga perlawanan perseorangan dan dua bergu.

Dalam perlawanan pembukaan, Persatuan PAPP akan menemui Beliau Sumbiling "B" dan Temburong "A" akan menemui Sumbiling "A".

Perlawanan2 perengkat akhir akan di-adakan dalam bulan Julai sa-bagai sa-bahagian dari perayaan sambutan hari ke-24 tahun D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Wakil2 Brunei Tiga di-pileh

LAMBAK. — Pertandingan membacha Al-Quran dan sharahan agama murid2 sekolah agama di-kawasan Brunei Tiga telah berlangsung di-Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak, pada petang hari Ahad yang lalu.

Pertandingan anjoran Jabatan Hal Ehwal Ehwal Agama itu ia-lah untuk memilih murid2 dari kawasan itu, ke-peraduan perengkat daerah Brunei-Muara, bulan hadapan.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut:

Membacha Quran bahagian lelaki, pertama Awang Mustapa bin Murad, kedua Awangku Haron bin Pengiran

Aliuddin dan ketiga Awang Yusof bin Abdul Ghani.

Bahagian perempuan: Pertama Junainah binte Hussein; kedua Afsah binte Kamaludin dan ketiga Masnita binte Haji Mohammed.

Sharahan bahagian lelaki: Pertama Ahmad Burut, kedua Awangku Ridzuan bin Pengiran Haji Mahmud dan ketiga Awangku Abdullah bin Pengiran Jaluddin.

Bahagian perempuan, pertama Fatimah binte Burut, kedua Zainab binte Ma'arof dan ketiga Halimah binte Ahmad.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Yokmas binte Mohammed, isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Perayaan dua minggu bagi meraikan Perkahwinan Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Zariah ibni Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam, akan berlangsung di-Istana Darul Hana pada hari Khamis 9 Julai, 1970.

Istiadat bersuroh bagi Yang Teramat Mulia itu telah berlangsung pada hari Khamis lepas di-Lapau, Bandar Brunei dan telah di-hadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Sa-telah Istiadat Bersuroh, satu rombongan pembesar2 negara yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan Sahibol Karib Pengiran Haji Abu Bakar telah berangkat ka-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha kerana peminangan bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

Termasuk dalam rombongan itu ia-lah Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Yang Di-Muliakan Pehin2.

Sementara itu sa-buah jawatankuasa telah di-bentok untuk menyusun rancangan bagi meraikan perkahwinan di-raja itu dengan diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Ahli2 Jawatankuasa itu termasuk beberapa orang Cheteria dan Pehin2.

Perayaan selama dua minggu itu akan bermula dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga pada 28 Jun.

Susunan Rancangan Istiadat Perkahwinan di-raja itu ada-lah seperti berikut:

Pada hari Ahad 28 Jun, 1970— Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga. Pada 1 Julai, Istiadat Menghantar Tanda Di-Raja; 4 Julai Istiadat Menghantar Pertunangan Di-Raja. Istiadat Berbedak Di-Raja pada 6 Julai, Akad Nikah pada 7 Julai, Istiadat Berinai Di-Raja pada 8 Julai dan Istiadat Perkahwinan pada 9 Julai.